

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
KAWASAN : TAIPING

SOALAN:

YB. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah sebenar kos pembinaan Istana Negara baru dan jumlah kos kerja pembaikan Istana Negara lama secara satu per satu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan harga kontrak muktamad, jumlah sebenar kos pembinaan Istana Negara Baru di Jalan Duta, Kuala Lumpur ialah sebanyak RM771.77 juta.

Daripada jumlah tersebut, RM650 juta ialah harga kontrak asal dan bakinya sebanyak RM121.77 juta lagi ialah merujuk kos tambahan berikutan daripada terdapat Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Manakala kos bagi membina Jalan Keluar Masuk Istana yang dilaksanakan menerusi 2 kontrak yang berasingan ialah sebanyak RM106 juta untuk Pintu Utama dan RM32.5 juta lagi untuk Pintu 2 di Jalan Changkat Semantan.

Bagi kos kerja-kerja pembaikan Istana Negara lama di Jalan Istana pula, Kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM16.15 juta, iaitu melibatkan pelbagai kontrak yang berasingan mulai dari tahun 1999 hingga ke tempoh perpindahan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke Istana Negara Baru di Jalan Duta pada 15 November 2011.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN : 216

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci berapakah jumlah gaji, elaun dan emolumen yang dibayar untuk mengupah penasihat-penasihat dan duta-duta khas bagi pihak YAB. Perdana Menteri secara satu per satu.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai sembilan (9) orang Duta Khas dan Penasihat telah dilantik dan mereka diberi peranan mengikut tanggungjawab tertentu yang telah ditetapkan berdasarkan kepakaran masing-masing. Mereka mempunyai pengalaman dalam bidang tertentu di dalam membantu kerajaan melaksanakan program-program yang telah dipertanggungjawabkan.

Selain itu mereka mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan negara-negara lain berdasarkan bidang tugas dan pengalaman mereka sebelum ini.

Kerajaan membayar gaji dan elaun mengikut kelayakan masing-masing berdasarkan kepakaran yang diberikan.

Sekian. Terima kasih.